

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI  
ABD. MUTTALIB (MARAN)**

**SOALAN NO. 193**

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah pihak Kementerian bercadang untuk membubarkan Talent Corporation Malaysia Berhad sebuah syarikat swasta yang diletakkan di bawah Kementerian yang mana berlaku pertindihan fungsinya dengan Jabatan Imigresen dan lain-lain agensi sebelum ini. Dengan struktur organisasi yang menelan belanja yang besar adakah pihak Kementerian dapat memikirkan perkara ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia sedang mengkaji semula peranan Talent Corp untuk menarik dan mengekal modal insan berkemahiran tinggi tempatan bagi memenuhi keperluan tenaga kerja mahir negara serta memacu pembangunan bakat *future of works*. Ini penting dalam usaha Kerajaan untuk memastikan dan mengutamakan pekerjaan untuk warganegara.

Peranan Talent Corp akan dipastikan tidak bertindih sebaliknya melengkapkan (*complement*) peranan dan fungsi Kementerian. Aspek perbelanjaan dan bebanan kewangan Kerajaan juga akan diambil kira dalam kajian semula pewujudan Talent Corp.